

30 SEP 2002

ABANG DR MAHATHIR MENINGGAL DUNIA

ALOR SETAR, 30 Sept (Bernama) -- Mashahor Mohamad, abang kepada Perdana

Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meninggal dunia di rumahnya di no

17-E, Jalan Kapal Terbang, Sungai Petani.

Allahyarham berusia 79 tahun.

Anak sulung allahyarham, Zulkifli, 50, ketika dihubungi berkata kematian ayahnya diketahui oleh anggota keluarga semasa mengejutkannya

untuk sarapan kira-kira pukul 9.45 pagi tadi.

Beliau meninggalkan seorang balu Fatimah Sham Ahmad, 71 dan tujuh anak

yang terdiri daripada empat lelaki dan tiga perempuan yang berusia antara

50 dan 40 tahun.

Jawatan terakhir allahyarham adalah sebagai Penolong Pengarah Jabatan

Buruh Negeri Kedah.

Menurut Zulkifli ayahnya pernah menerima rawatan penyakit asma.

Jenayah allahyarham dijangka dikebumikan di tanah perkuburan Masjid

Penghulu Him, Sungai Petani, selepas sembahyang Asar petang ini.

Dr Mahathir, yang bongsu, mempunyai dua orang kakak, Rafeah, 89, dan

Habsah, 87, manakala abangnya Mahadi, meninggal dunia dua tahun lepas.

-- BERNAMA

MZM JM LAT